

30 APR 1999

Cuepacs - Bersara

MEMORANDUM MENGENAI PERSARAAN DISERAH PADA KERAJAAN

KUALA LUMPUR, 30 April (Bernama) -- Cuepacs hari ini menyerahkan memorandum kepada Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali berhubung cadangan kongres itu melanjutkan had umur persaraan daripada 55 tahun kepada 59 tahun.

Presidennya N. Siva Subramaniam berkata memorandum itu bertujuan menjelaskan rasional di sebalik cadangan melanjutkan had umur persaraan itu.

"Kita berpendapat kerajaan tidak seharusnya mensia-siakan kebolehan dan pengalaman seseorang kakitangan awam dengan mewajibkan mereka bersara setelah cukup tempoh perkhidmatan," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa kerja Cuepacs di sini.

Cuepacs meminta kerajaan memberi pilihan kepada kakitangan awam yang telah mencapai had umur 55 tahun sama ada mereka mahu bersara dan menerima bayaran pencen serta ganjaran lain atau meneruskan perkhidmatan sehingga mencapai umur 59 tahun.

Siva Subramaniam berkata bahawa semasa pertemuan dengan Halim itu, Cuepacs juga ada menimbulkan isu perpindahan kakitangan awam ke pusat pentadbiran baru kerajaan di Putrajaya yang akan bermula Mei ini.

"Kita meminta kerajaan memastikan pengangkutan awam yang cukup dan subsidi kadar tambang diberikan kepada kakitangan awam yang berulang alik dari rumah mereka ke Putrajaya," katanya.

Beliau berkata Cuepacs juga meminta kerajaan menyediakan kuarters yang cukup kepada kakitangan awam yang memilih untuk tinggal di Putrajaya yang terletak 50km dari sini.

Siva Subramaniam berkata Halim memberi jaminan bahawa kerajaan sedar mengenai perkara itu dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri dijangka mengumumkan insentif-insentif kepada kakitangan awam yang akan berpindah ke Putrajaya itu sedikit masa lagi.

-- BERNAMA

NY MAI